

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN
AWANG [MARANG]**

TARIKH : 9 DISEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah usaha yang telah dilaksanakan untuk meningkatkan kerjasama strategik dengan negara-negara ASEAN bagi mengukuhkan keselamatan serantau.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Marang di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Semasa perbincangan di peringkat antarabangsa dan terutamanya di peringkat ASEAN dan bersama Rakan-rakan Dialog ASEAN, saya sering menyuarakan keperluan kerjasama strategik, isu-isu keselamatan dan kestabilan serantau termasuk ancaman keganasan, ekonomi dan kewangan global, tenaga, perubahan iklim, jerebu rentas sempadan, keselamatan maritim, pengurusan bencana, jenayah rentas sempadan, perkembangan di Semenanjung Korea, Timur Tengah dan situasi di Laut China Selatan.

3. YAB Perdana Menteri semasa Sidang Kemuncak ASEAN yang diadakan secara persidangan video pada 22 Jun 2020, telah menekankan supaya ASEAN merangka segera Pelan Pemulihan Ekonomi Pasca COVID-19 bagi memberi tumpuan bukan sahaja kepada aspek kewangan, bahkan jaringan keselamatan sosial, jaminan makanan dan pendidikan kepada penduduk serantau. ASEAN juga perlu memastikan vaksin Covid-19, apabila sudah ada kelak, adalah pada harga berpatutan, boleh diakses dan dikongsi sama rata untuk semua.

4. Selain itu juga beliau telah menyuarakan pendirian Malaysia kepada rakan-rakan ASEAN berhubung keperluan untuk mencari pendekatan menyeluruh bagi memerangi dan membendung pergerakan orang yang tidak teratur untuk menangani sindiket pemerdagangan manusia yang mengeksploitasi mangsa pelarian. Beliau juga menegaskan sekiranya isu ini tidak dibendung, ia berpotensi berkembang untuk menjadi satu ancaman keselamatan rantau ini.

5. Saya juga telah menekankan keperluan kerjasama strategik untuk mengekalkan kestabilan dan keharmonian politik Negara-negara Anggota

ASEAN melalui mekanisme ASEAN yang sedia pada Mesyuarat Menteri-menteri Luar Negeri ke-53 / Pasca Persidangan Menteri-menteri Luar Negeri (PMC) dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan serta Mesyuarat Forum Serantau ARF Ke-27 (*ASEAN Regional Forum*) yang berlangsung melalui persidangan video pada 9-12 September 2020 terutamanya dalam isu-isu yang telah diketengahkan oleh YAB Perdana Menteri.

6. Baru-baru ini, sewaktu mesyuarat Menteri-menteri Luar Negeri ASEAN bersama Setiausaha Agong Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang diadakan melalui persidangan video pada 21 Oktober 2020, saya telah menyentuh isu kerjasama antarabangsa dalam menangani impak COVID-19, serta pendirian Malaysia berhubung situasi semasa di Laut China Selatan, Wilayah Rakhine dan Palestin. Saya turut menzahirkan sokongan penuh Malaysia terhadap Triti Mengenai Pengharaman Senjata Nuklear, yang telah diratifikasi oleh Malaysia pada 30 September 2020 dan merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang menyokong inisiatif "*Statement of Support to the UN Secretary-General's Appeal for a Global Ceasefire amid the COVID-19 Pandemic*" yang telah diterajui oleh Malaysia di platform PBB pada Jun 2020.

7. Malaysia, menerusi platform ASEAN, akan terus menyuarakan kepentingan kerjasama dalam isu-isu strategik dan keselamatan bagi membina keyakinan serta kesinambungan dalam memelihara keamanan dan kestabilan di rantau ini.

Sekian, terima kasih.